

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 JULAI 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/973360/jawatankuasa-kaji-keperluan-peningkatan-subsidi>

Jawatankuasa kaji keperluan peningkatan subsidi



KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi Parlimen bersetuju untuk mengkaji lebih mendalam peningkatan jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan terutama dalam sektor minyak, yang mencecah hampir RM30 bilion ketika ini.

Pengerusinya, yang juga Ahli Parlimen Rompin, Datuk Seri Hasan Arifin, berkata jumlah subsidi itu ketika ini terlalu tinggi dan tidak tersasar, malah sebahagian besar daripadanya turut dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi.

"Jawatankuasa mengesyorkan kajian ini perlu dilakukan bagi melihat sama ada keperluan kerajaan untuk memperuntukkan subsidi upah yang lebih bersasar dan juga kupon minyak bagi B40 berbanding dengan pemberian subsidi minyak, minyak masak dan barang keperluan asas lain.

"Unit Perancang Ekonomi (EPU) juga diminta mengkaji bagaimana untuk meningkatkan pampasan pekerja dalam pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Pendapatan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Hasan berkata, kajian itu akan dilaksanakan secara bersama oleh beberapa pihak seperti EPU, Bank Dunia, Kementerian Kewangan, pusat penyelidikan ekonomi dan pihak swasta.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pampasan pekerja di Malaysia bagi 2020 adalah 37.2 peratus daripada KDNK, lebih rendah berbanding Singapura (43.6 peratus), Korea Selatan (47.5 peratus), United Kingdom (53.8 peratus) dan Amerika Syarikat (55 peratus).

"Di Malaysia, pemilik modal menerima manfaat pertumbuhan ekonomi yang lebih besar berbanding pekerja. Oleh itu, strategi digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) perlu dilaksanakan segera bagi meningkatkan peratusan pampasan pekerja sekurang-kurangnya 40 peratus daripada KDNK pada 2025 seperti disasarkan dalam RMK-12," katanya.

Beliau berkata, jawatankuasa juga mengesyorkan supaya satu undang-undang lebih keras dikenakan kepada pihak yang menyeludup minyak petrol atau diesel, minyak masak dan barang keperluan bersubsidi ke luar negara.

Katanya, hukuman penjara dan denda yang tinggi juga perlu dikenakan kepada restoran atau peniaga yang menggunakan minyak subsidi.

Sementara itu, Hasan berkata, tiada keperluan untuk kerajaan mengenakan tambatan ringgit oleh kerana ekonomi negara berada dalam landasan yang betul, pertumbuhan ekonomi yang mula berkembang, kedudukan luaran yang kukuh dan Bank Negara mempunyai rizab antarabangsa yang mencukupi.

"Kadar inflasi juga terkawal," katanya memaklumkan mesyuarat jawatankuasa itu pada 24 Jun lalu dihadiri wakil daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, EPU, Jabatan Perdana Menteri dan Bank Negara.